

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]

**TARIKH :** 8.6.2015

**SOALAN :**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kepentingan penubuhan dan status perlaksanaan ASEAN University Network dan ASEAN Cyber University kepada negara dan apakah usaha Kementerian bagi mempromosikannya terutama dalam usaha pembentukan Komuniti ASEAN pada 31 Disember 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ASEAN University Network (AUN) merupakan cetusan idea daripada mesyuarat keempat Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 1992 di Singapura. Lanjutan daripada itu, Memorandum Perjanjian mengenai AUN oleh Presiden / Rektor / Naib Canselor universiti-universiti ASEAN yang mengambil bahagian telah ditandatangani pada tahun 1995. Perjanjian tersebut bersetuju melantik ahli Lembaga Amanah (Board of Trustees) dan menubuhkan Jawatankuasa yang diketuai oleh Pengarah Eksekutif berpangkalan di Bangkok, Thailand. AUN ditubuhkan dengan kepentingan berikut:

1. mengukuhkan rangkaian kerjasama sedia ada ASEAN dan di luar ASEAN dalam bidang pendidikan tinggi;

2. mempromosikan kajian bersama atau program penyelidikan dalam bidang keutamaan yang telah dikenal pasti, iaitu Youth Mobility, Academic Collaboration, Standards, Mechanisms, Systems and Policies of Higher Education Collaboration, Courses and Programmes Development dan Regional and Global Policy Platforms;
3. mempromosikan dan memperkuatkan kerjasama bidang pendidikan tinggi di kalangan pelajar, kakitangan akademik dan penyelidik di negara ASEAN; dan
4. sebagai badan penggubal dasar dalam pendidikan tinggi di ASEAN.

Sehingga kini, penglibatan Malaysia dalam AUN adalah melalui lima (5) buah universiti iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

Malaysia sentiasa menghantar wakil dalam setiap mesyuarat/ program anjuran AUN bagi membantu hala tuju dan wawasan ASEAN ke arah matlamat pendidikan yang lebih progresif. Ini dapat dilakukan melalui sumbangan idea dan perkongsian bernes dengan negara-negara anggota lain berhubung kerjasama pendidikan di peringkat ASEAN, sejajar dengan usaha aktif dan berterusan yang dimainkan Malaysia dalam pembentukan komuniti ASEAN tahun 2015.